

18 OCT 2001

BELANJAWAN-KOMENTAR

DALAM KEADAAN SUKAR, YANG KUAT MUNCUL JUARA

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Banyak yang dijangkakan daripada Belanjawan 2002 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat esok, memandangkan begitu banyak komen daripada pelbagai pihak dalam beberapa hari lalu.

Ini adalah kali kedua dalam empat tahun Dr Mahathir membentangkan belanjawan negara sebagai Menteri Kewangan. Pertama kali adalah pada tahun 1998 apabila beliau mengambil alih jawatan Menteri Kewangan ketika krisis kewangan Asia memuncak.

Ada beberapa persamaan tertentu antara dahulu dan sekarang: negara ini sekali lagi menghadapi persekitaran luaran yang sukar dan pelan tindakan terperinci kewangan negara sekali lagi dibentangkan oleh Dr Mahathir.

Ungkapan Inggeris yang bermaksud "Dalam keadaan sukar, yang kuat muncul juara" sememangnya tepat bagi menggambarkan inisiatif-inisiatif rancak dan meluas Malaysia bagi mengatasi masalah ekonomi pada masa lalu dan kali ini ia pasti akan berusaha melakukannya lagi.

Kerajaan mengambil langkah berani bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi pada tahun 1998 apabila ia melaksanakan kawalan pertukaran wang berpilih dan memperkenalkan banyak inisiatif untuk membantu ekonomi mengharungi tempoh sukar pada ketika itu.

Walaupun Malaysia dilanda kemelesetan yang paling teruk dalam sejarah apabila ekonomi menguncup sebanyak 7.4 peratus pada tahun 1998, ia berupaya pulih dengan kukuhnya selepas itu apabila ia berkembang sebanyak 6.1 peratus dan 8.3 peratus masing-masing pada tahun 1999 dan 2000.

Malaysia mungkin telah mencatat peningkatan yang selesa lagi tahun ini jika tidak kerana kelembapan ekonomi yang berpanjangan di Amerika Syarikat dan kesan ke atas ekonomi ekoran serangan ke atas New York dan Washington 11 September lalu. Pada mulanya, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang sebanyak 7.5 peratus tahun ini dan ini kemudian disemak kepada 5.0 hingga 6.0 peratus pada bulan Mac tahun ini.

Memandangkan suasana ekonomi luar negara yang terjejas teruk, kadar pertumbuhan Malaysia bagi tahun ini mungkin tidak begitu memberangsangkan dan pertumbuhan dijangka pada kadar 1.0 hingga 2.0 peratus.

Tetapi, kita masih ada harapan, kerana keupayaan negara untuk bertahan masih ada. Asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh akan terus memberikan keanjalan dasar yang mencukupi bagi kerajaan melaksanakan langkah-langkah menyokong pertumbuhan dan menyediakan ekonomi bagi prestasi yang lebih baik tahun depan.

Dr Mahathir juga telah menyeru rakyat supaya menaruh keyakinan terhadap inisiatif-inisiatif kerajaan ini.

Kenapa tidak? Kerajaan tidak pernah gagal pada masa-masa lalu memandangkan pendekatan pragmatiknya terhadap pelbagai isu ekonomi. Tidak berapa lama dahulu, dalam tahun 1985, Malaysia telah dicengkam kelembapan ekonomi tetapi kerajaan berupaya membawa negara ini keluar daripada kesukaran ini dalam tempoh tidak sampai dua tahun.

Ia melakukannya dengan memberi penekanan yang lebih tinggi kepada sektor pelancongan bagi mendapatkan pertukaran asing dalam masa sesingkat mungkin dan memberi lebih keanjalan kepada perniagaan-perniagaan kecil dan penganggur-penganggur. Selepas itu, Malaysia terus menikmati pertumbuhan kukuh selama sedekad.

Dan kali ini, kerajaan, dengan pengalamannya dalam menangani kelembapan ekonomi, akan pasti menggunakan langkah-langkah fiskal untuk menstabilkan

ekonomi negara.

Harapan yang begitu tinggi diletakkan kepada kerajaan dan pihak-pihak berkuasa diharapkan tidak akan mengecewakan. -- BERNAMA

SHY FR KY OS